

# Spektrum @ PSN

Apa yang menarik bulan ini?

Dinosaur takluk Pusat Sains Negara **1**

IMPAC pertama di Malaysia berlangsung meriah **2**

Amphibious Electric Vehicle Competition 2012 uji daya kreativiti peserta **3**

Sana-sini PSN **3**

Info Sains **3**

Program menarik akan datang **4**

Judul buku untuk bulan ini **4**

Jom kenali bahan pameran di PSN **4**

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

**Pusat Sains Negara**  
Kementerian Sains,  
Teknologi dan Inovasi,  
Persiaran Bukit Kiara,  
50662 Kuala Lumpur

T : 03 2089 3400 F : 03 2089 3401

W : [www.psn.gov.my](http://www.psn.gov.my)

Fb : [fb.com/PusatSainsNegara](https://www.facebook.com/PusatSainsNegara)



## DINOSAUR TAKLUK PUSAT SAINS NEGARA!

Pusat Sains Negara: Penganjuran pameran bertema *Dinosaurs Live!* yang telah bermula sejak 31 Mei yang lalu telah berjaya menarik ramai pengunjung untuk hadir menyaksikan pameran ini di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur. Pameran ini yang dianjurkan bersama oleh Pusat Sains Negara dan Cityneon Events akan terus berada di sini sehingga 31 Oktober 2012.

Pameran bertaraf *blockbuster* ini memaparkan sehingga 30 ekor dinosaur animatronik yang bersaiz sebenar di dalam habitat masing-masing. *Dinosaurs Live!* tidak hanya memfokuskan kepada hiburan semata-mata tetapi juga menerapkan maklumat pembelajaran seperti tempat penemuan, zaman kewujudan, ciri-ciri anatomi, corak pemakanan dan evolusi haiwan tersebut.

Sehingga kini, pameran ini bukan sahaja berjaya menarik golongan peminat haiwan ini semata-mata malah menjadi tumpuan seisi keluarga untuk sama-sama melihat sendiri haiwan zaman pra-sejarah ini.



## IMPAC PERTAMA DI MALAYSIA BERLANGSUNG MERIAH

22 September 2012 : Pusat Sains Negara cukup berbangga kerana telah dipilih menjadi lokasi bagi pertandingan yang julung-julung kali diadakan di negara ini. Penganjuran pertandingan *1Malaysia Paper Airplane (IMPAC)* merupakan kerjasama yang melibatkan 3 organisasi iaitu WellAd Comunication Sdn. Bhd., Yayasan Inovasi Malaysia serta Pusat Sains Negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Pertandingan ini telah melibatkan penyertaan seramai hampir 500 peserta dari kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh semenanjung Malaysia serta turut dibuka penyertaannya kepada orang awam. Pertandingan ini juga turut menawarkan hadiah lumayan berjumlah RM 20,000 kepada para pemenang.

Secara keseluruhannya, penganjuran IMPAC yang pertama ini telah berjaya mencapai matlamatnya dengan sambutan yang diterima daripada kalangan para peserta.



## AMPHIBIOUS ELECTRIC VEHICLE COMPETITION 2012 UJI DAYA KREATIVITI PESERTA

9 September 2012 - Pusat Sains Negara dengan kerjasama MyRobotz telah berjaya menganjurkan *Amphibious Electric Vehicle Competition 2012* pada 8-9 September 2012 di Pusat Sains Negara.

*Amphibious Electric Vehicle Competition 2012* mengajak para peserta untuk merekacipta, membuat dan melancarkan kenderaan darat dan air berkuasa elektrik. Pertandingan ini bertujuan memberi kefahaman kepada para peserta tentang sumber tenaga selain dapat mengetahui tentang kepentingan rekabentuk dan jenis bahan yang digunakan untuk menghasilkan kenderaan yang mampu bergerak lebih pantas.

Pertandingan yang telah berlangsung selama 2 hari ini telah memberi manfaat kepada para peserta melalui daya kreativiti serta inovasi dalam penghasilan sesebuah kenderaan yang mampu bergerak di darat dan di air. Diharapkan supaya pertandingan sebegini akan diteruskan lagi pada masa akan datang dengan peningkatan penyertaan dari kalangan para peserta.



### FAMILY INNOVATION MOVEMENT (FIM)

14-16 September 2012  
Kompleks Pelancongan Sarawak  
Kuching, Sarawak



### PROFESSIONAL DEVELOPMENT

5-7 September 2012  
Bahagian Teknologi Pendidikan  
Negeri Kelantan  
Kota Bharu, Kelantan



### KARNIVAL SAINS KIMIA PERINGKAT NEGERI JOHOR

22 September 2012  
Sekolah Menengah Sains  
Sultan Iskandar  
Mersing, Johor



### INFO SAINS

#### TAHUKAH ANDA?

Cahaya daripada Bumi hanya mengambil masa selama

1.255 saat untuk sampai ke Bulan.

## PROGRAM MENARIK AKAN DATANG

**SCIENCE CARNIVAL**

19-21 Oktober 2012  
Pusat Sains Negara  
Kuala Lumpur

**SCIENCE FIESTA**

3-8 November 2012  
Pusat Sains Negara  
Cawangan Wilayah Utara  
Alor Setar, Kedah


**FAMILY INNOVATION  
MOVEMENT (FIM)**

20-21 Oktober 2012  
Kompleks Sukan Paroi  
Seremban, Negeri Sembilan

**GLOBAL KIDS FUN CAMP**

3-5 November 2012  
Pusat Sains Negara  
Kuala Lumpur

## JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI

**INSIDE REAL INNOVATION**

Buku ini memberi penjelasan mengenai inovasi dalam perkembangan serta kemajuan dunia pada hari ini. Selain itu, contoh-contah inovasi terkini ditunjukkan melalui gambar-gambar serta perkembangannya dari semasa ke semasa. Buku yang telah pun berada dipasaran ini sememangnya merupakan rujukan terbaik bagi pembaca yang mempunyai minat mendalam dalam bidang inovasi.

★ **ENERGY CIRCUIT** ★**FUNGSI**

Menerangkan mengenai 7 daya asas seperti momentum, kinetik dan enersia